

16/11/2003

Negara Islam ala Pas: Teokrasi apa nama pun

APA sebenarnya sebuah negara teokrasi atau teokratik. Seringkasnya; Pemerintahan oleh Tuhan atau wakil-Nya yang mendakwa ia dilantik atau dipilih oleh Tuhan bagi melaksanakan undang-undang, rukun dan hukum-Nya.

Zaman purbakala komanwel Israel dari Nabi Musa as, exodus (penghijrahan) kepada pemilihan Saul sebagai Raja Yahudi satu contoh terbaik. Kini Arab Saudi dan Iran, satu masa dulu, tidak begitu lama Afghanistan di bawah Taliban.

Jangan pula anda keliru theocracy dengan theocracy. Makna theocracy percampuran beberapa Tuhan yakni menyembah Tuhan yang ramai. Pemimpin yang mendakwa dia memerintah atas nama Tuhan digelar theocrat. Pas setelah dua tahun menyediakannya telah menerbitkan manifesto politiknya apa yang didakwa: Dokumen Negara Islam.

Seperti ditegaskan oleh Perdana Menteri, sebenarnya buku dokumen Negara Islam itu disegerakan pelancarannya untuk memancing undi yang telah pun disahkan oleh Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang, semalam.

Pas berbuat demikian oleh kerana ia percaya pilihan raya umum akan diadakan segera antara sekarang atau awal tahun hadapan.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kuat disokong oleh Datuk Seri Najib Tun Razak yang diramal ramai akan dilantik sebagai Timbalannya berkata, BN di bawah pimpinan Umno akan terus mempertahankan hak keistimewaan Melayu/Bumiputera sebagaimana termaktub dalam perlembagaan yang Pas terang-terang menegaskan beriya-iyanya mahu memansuhkannya.

Pas degil dan terus berkeras mahu - itu hak asasinya - menubuhkan Negara Islam caranya walaupun jelas cita-citanya itu tidak boleh dilaksanakan dalam sebuah negara majmuk tanpa mengancam kestabilan sosio-politik kerana ia jelas tidak toleran terhadap orang bukan Islam.

Sebab itulah rakan dalam ikatan pembangkang mereka - Keadilan, Parti Rakyat dan DAP - membangkang iltizam Pas itu.

Nyata di antara mereka tiada permuafakatan.

Pas memang bijak bersandiwara dan kalau bukan Melayu dipengaruhi dengan dakwaan Pas mereka akan diperlindungi seperti ditegaskan oleh Najib mereka mengambil satu risiko besar - memperjudikan masa depan mereka dan anak cucu mereka.

Pas sebenarnya mengamalkan doublespeak - mahu mengekalkan Perlembagaan sekarang yang menjamin keselamatan masa depan adat resam bukan Islam untuk mengambil hati mereka dan dalam satu nafas sama juga ia berikrar meminda kalau pun tidak memusnahkan Perlembagaan yang wujud.

Seperti ditegaskan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad nyata dan terang Malaysia sudah pun negara Islam yang diiktiraf oleh Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dan dunia. Benar, negara Islam yang praktikal dan sederhana. Pas bijak dan oportunistik cuba memperdaya orang Melayu bahawa Dokumen Negara Islam ini adalah satu perlembagaan alternatif tetapi pada hakikatnya Pas bercadang untuk menggunakan Perlembagaan Persekutuan yang ada sebagai asas kepada Negara Islam caranya.

Secara ringkasnya Pas mahu mengadakan dwi sistem yakni status quo. Kalau begitu kenapa panggil Dokumen Negara Islam jika majoriti kandungannya serupa dengan yang telah wujud? Seperti ditegaskan Hadi sendiri, sebenarnya tiada perbezaan, hanya perbezaannya tentang semantik saja.

Pada pendapat saya Dokumen Negara Islam ini hanya muslihat politik Pas saja, cuba mengimbangi kehendak pengikutnya (pelaksanaan hudud) dengan keinginannya mahu menjamin bukan Islam bahawa hak-hak mereka akan

dilindungi. Pas akan membuat apa saja dalam usahanya untuk mendekati dan mendapat kepercayaan bukan Islam. Bukan senang untuk mengabui mata bukan Islam yang praktikal, cerdik dan yang kukuh ekonomi.

Ini satu hipokrasi, kalau kerajaan melakukannya, ia bukan Islamik tetapi kalau Pas melaksanakannya segala-galanya Islamik. Pas sebenarnya ingin mewujudkan satu Negara Islam yang teokratik. Kalau tidak masakan ia mahu melaksanakan hudud.

Kalau bukan Melayu dapat diperdayakan Pas melalui Dokumen Negara Islam ini dan Melayu pula disogok dengannya, saya kira hipokrasi ini akan membahayakan kestabilan dan masa depan negara ini.

SAYA sentiasa seronok melawat Perak, terutama Kuala Kangsar, Ipoh dan Taiping. Sebabnya senang. Saya tinggal di Perak lebih lama daripada negeri Kelantan, tempat kelahiran saya: 11 tahun di Perak (6 tahun di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan 5 tahun di Universiti Kamunting sebagai pasca graduan dalam pengajian hak asasi manusia (sebenarnya sebagai tahanan ISA di Kem Tahanan Kamunting). Di Perak saya diasuh dalam dwi-bahasa. Di Perak juga saya mula menikmati gulai tempoyak ikan keli dan rendang tok di rumah pembesar dan raja di Bukit Chandan.

Selain daripada itu, sebagai Setiausaha Politik Tun Razak semasa dia Timbalan Perdana Menteri dan juga Perdana Menteri, saya mengawasi pergolakan politik Perak, terutama Umno baginya antara tahun 1963 hingga 1976, terutama dalam zaman Datuk Seri Ahmad Said, Datuk Seri Kamaruddin Isa dan zaman kedua Tan Sri Ghazali Jawi menjadi Menteri Besar. Saya melihat pembangunan Perak yang boleh dikagumi juga adalah hasil rancangan yang dipelopori oleh Tun Razak dan diperkembang, diperbesar dan diperhebatkan oleh Tun Dr Mahathir. Perak telah `ditransformkan' sebagai sebuah negeri membangun walaupun tidak termaju di Semenanjung Tanah Melayu.

Pada malam Jumaat, saya telah menjadi tetamu Akademi Perak untuk memberi ceramah tentang Malaysia Pasca Mahathir. Belum ada pasca Mahathir kerana Pak Lah baru mengambil alih maka segala-galanya dalam keadaan interim lagi yakni sementara dan amat awal untuk membuat kesimpulan. Apapun Pak Lah adalah pemimpin kerajaan dan Umno yang terbaik dalam konteks politik Malaysia hari ini untuk menangani kemaraan Pas. Ceramah itu telah dihadiri seramai 350 `cendiakawan' seperti apa digelar Datuk Ariff Shafie yang memperkenalkan saya kepada majlis yang dikepalai oleh Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah. Ariff adalah rakan sedarjah saya di MCKK selama setahun pada tahun 1948. Saya dapat lompat kelas (double promotion), dia tertinggal dan saya walaupun masuk pada tahun yang sama 1948, saya keluar MCKK 1954 dan Ariff 1955.

Apabila di Ipoh, apa lagi di Kuala Kangsar, saya seronok dan gembira bercampur sedih dan nostalgik. Masakan kita lupa tempat jatuh lagi dikenang dan di MCKKlah saya mendapat asas apa yang saya capai kini. Atau apa kegagalan saya bermula di MCKK juga.

Cendiakawan Ipoh mendengar ceramah, cerita dan jenaka... terlampau banyak kisah - majlis yang sepatutnya tamat pada jam 10 malam berlarutan hampir tengah malam.